



TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA:

ENCIK MOHD ISMAIL PEMANGKU KETUA KAMPUNG SEBERANG
STESYEN DAN ENCIK KAMALUDDIN SETIAUSAHA KETUA KAMPUNG
LUBOK BATU MENGENAI ASAL-USUL KAMPUNG SEBERANG STESYEN DI
SEGAMAT

DISEDIAKAN OLEH:

MUHAMMAD ZAHIR REZA BIN AZAHARI
NURHIDAYAH BINTI MUHAMMAD RAZI
SYAFIQAH RASYIDAH BINTI SYAWAL BAKHTIAR
YUSHASNIZA BINTI CHE YUSOFF

PROJEK DIMAJUKAN KEPADA:

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA,
JOHOR KAMPUS SEGAMAT BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR604 – ORAL DOCUMENTATION

SEMESTER 5 (MAC – JUN 2014)

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Alhamdulillah. Terlebih dahulu, kami ingin mengucapkan syukur yang tidak terhingga kepada Allah s.w.t yang telah memberikan rahmat dan kesihatan yang baik kepada kami dan dengan izin-Nya juga kami dapat menyiapkan tugas berkenaan penulisan transkrip untuk subjek IMR 604 - Dokumentasi Sejarah Lisan yang diberikan ini dengan jayanya pada waktu yang ditetapkan. Kami juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan yang tidak terhingga kepada pensyarah subjek IMR 604 - Dokumentasi Sejarah Lisan, iaitu Encik Zul-Azmi bin Ishak yang begitu sabar mengajar kami sepanjang semester lima ini. Beliau telah memberikan banyak tunjuk ajar, galakan dan maklumat kepada kami bagi menyiapkan tugas ini. Tidak dilupa juga, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kedua ibu bapa kami yang disayangi yang telah banyak memberikan sokongan moral, dorongan dan nasihat yang tidak putus-putus dari jauh. Setinggi-tinggi penghargaan ingin kami tujukan kepada Encik Mohd Ismail Bin Abd Latip dan Encik Kamaluddin Bin Abd Rahman yang menjadi pengkisah dalam penulisan transkrip kami ini. Beliau telah memberikan banyak maklumat dan kerjasama yang begitu baik sekali kepada kami semasa temuduga sekaligus memenuhi keperluan subjek ini. Sesungguhnya kami sangat menghargai jasa beliau dalam membantu kami. Akhir sekali, sekali lagi kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah, rakan-rakan dan semua yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu kami. Allah sahaja yang dapat membalas jasa anda sekalian.

TABLE OF CONTENT

NO	ITEM	PAGE
1.	ABSTRAK	1
2.	Pengenalan	2 - 21
3.	Transkrip Wawancara	23 - 79
4.	Log Wawancara	80 - 83
5.	Biodata Tokoh	84 - 85
6.	Biodata Penemubual	86 - 89
7.	Senarai Soalan Wawancara	90 - 100
8.	Ralat	101 - 102
9.	Senarai Rujukan	103
10.	Lampiran	104 - 113
11.	Indeks	114

1.0 ABSTRAK

Abstrak: Transkrip ini mengandungi temubual bersama dua orang Tokoh iaitu Encik Mohd Ismail Bin Latip, Ketua Kampung Mukim Gemereh 2, dan Encik Kamaluddin bin Abd Rahman. Transkrip ini adalah mengenai sejarah dan asal-usul Kampung Seberang Stesyen. Transkrip temubual ini dijalankan di dua lokasi iaitu di kediaman Encik Ismail berlamat di _____ dan kediaman Encik Kamaludin berlamat di No. 414-a, Bt 2, Jalan Muar, Lubok Batu, 85000, Segamat, Johor Darul Takzim masing – masing pada 24 April 2014 dan 4 Mei 2014 pada jam 5 peatang dan 9.00 malam. Encik Kamaludin bekerja sebagai Pembantu Tadbir Kanan di Pejabat Daerah Segamat dan juga merupakan Setiausaha Jawatan Kuasa Kampung (JKK) di dalam Penghulu Mukim Gemereh 2, dan beliau bertanggung-jawab dalam menguruskan perkara berkaitan kampung-kampung di bawah mukim ini. Transkrip ini menyentuh serba sedikit tentang latar belakang beliau serta pengalaman beliau sepanjang penglibatan beliau di dalam bidang pentadbiran dan pengurusan Kampung Seberang Stesen. Beliau turut menceritakan sejarah bagaimana beliau boleh berkecimpung dalam kepimpinan dan dalam menguruskan hal-ehwal kampung dan juga sejarah Kampung Seberang Stesyen, Segamat Johor.

2.0 PENGENALAN

Segamat merupakan daerah paling utara yang terletak di negeri Johor. Ia bersempadan dengan:

- Negeri Sembilan di utara
- Pahang di timur

Enam buah daerah lain iaitu daerah Muar dan Kluang di selatan, daerah Tampin di barat laut, daerah Rompin di timur laut, Batu Pahat di sebelah tenggara dan daerah Ledang(sebuah daerah yang baru) terletak di barat.

Bandar Segamat merupakan pusat bandar utama daerah ini. Dari segi hierarki pusat-pusat petempatan bagi Negeri Johor, Segamat terletak dalam kategori kedua iaitu Pusat Wilayah Tahap II. Bandar kedua terbesar di Daerah Segamat adalah Bandar Labis yang berada di kategori ke empat hierarki pusat petempatan seluruh negeri. Daerah Segamat merupakan daerah yang mempunyai tahap kemajuan yang sederhana berbanding dengan daerah-daerah di Wilayah Johor Barat. Ia mempunyai kepentingan tersendiri kerana menjadi penyambung ke Pantai Timur melalui Lebuhraya Kuantan - Segamat. Lebuhraya Tun Abdul Razak dan juga sebagai laluan utama kenderaan ke selatan negara. Secara tidak langsung ini memberikan gambaran yang positif terhadap potensi pembangunan daerah ini.

2.1 BANDAR SEGAMAT

Nama Segamat dipercayai berasal daripada gabungan dua perkataan Melayu berikut - Segar-Amat. Terletak di antara Kuala Lumpur dan Singapura, Segamat merupakan daerah dimana sektor pertanian berkembang dengan pesat seperti kelapa sawit dan getah yang kebanyakannya ditanam di estet-estet dan di tanah rancangan FELDA serta FELCRA. Segamat terkenal dengan buah-buahan terutamanya durian. Sebagai tarikan pelancong, slogan baru telah diperkenalkan iaitu 'Selamat Datang ke Segamat – Tanah Raja Buah-buahan'.

Menurut seorang ahli sejarah tempatan, Cikgu Hassan (Allahyarham Tuan Haji Hassan bin Haji Muhammad),Segamat merupakan sebuah daerah paling tua di negeri Johor yang kaya dengan sejarah silamnya lalu ianya digelar "Daerah Lagenda".